



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

***GARIS PANDUAN PERMOHONAN PINDAAN  
MAKLUMAT KEBENARAN PDA 5  
MENUKAR ALAMAT/ NAMA PERNIAGAAN/  
BENTUK PERNIAGAAN/ PEMEGANG SAHAM/  
PEMBEKAL/ MENAMBAH PEMASARAN BAHAN-BAHAN  
PETROLEUM***

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Pendahuluan	3
2.	Tujuan	3
3.	Tafsiran	3
4.	Syarat – Syarat Am Permohonan Baharu	5
5.	Syarat – Syarat Kebenaran PDA	6
6.	Keperluan Naziran	7
7.	Tempoh Kelulusan	7
8.	Fee dan Kaedah Pembayaran	7 - 8
9.	Tatacara dan Makluman Am	8
10.	Penyerahan Kebenaran PDA dan Lesen CSA	9
11.	Carta Alir Proses	10
12.	Senarai Semak	11
13.	Pertanyaan Lanjut	19

## 1. PENDAHULUAN

Pemegang Kebenaran PDA hendaklah membuat pindaan pada **kadar segera**, sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat Kebenaran PDA asal seperti berikut:

- i) Alamat perniagaan syarikat
- ii) Nama/ bentuk syarikat (perkongsiian kepada milikan tunggal atau sebaliknya) / perniagaan
- iii) Kawasan pengedaran/ pemasaran
- iv) Kaedah pengedaran
- v) Pemegang saham
- vi) Syarikat pembekal
- vii) Jenis bahan petroleum yang dipasarkan/ diedarkan

## 2. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan untuk menjelaskan tatacara permohonan PDA 5 bagi pindaan yang dinyatakan di atas.

## 3. TAFSIRAN

3.1. "Pemegang Saham" ialah orang perseorangan, syarikat atau sesebuah institusi yang memiliki sekurang-kurangnya satu bahagian saham dalam Syarikat. Pemegang Saham merangkumi dividen dalam bentuk tunai dan dividen dalam bentuk saham pemilikan.

3.2. Syarikat pembekal:

Syarikat Pembekal Utama di bawah jenama:

- i) Petronas Dagangan Berhad
- ii) Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd.
- iii) Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd

- iv) Chevron Malaysia Limited
- v) Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd.
- vi) Xcel Petroleum Sdn. Bhd.
- vii) Hengyuan Refining Company Bhd.
- viii) Five Petroleum Malaysia Sdn. Bhd.
- ix) SEDC Energy Sdn. Bhd.

Syarikat Minyak Mini di bawah jenama :

- x) IPTB Sdn. Bhd. (Buraqoil)
- xi) Smart Stream Resources Sdn. Bhd.
- xii) Petro Teguh (M) Sdn. Bhd.

Syarikat pembekal di bawah jenama tempatan

Syarikat pembekal di bawah jenama import

1.1 Jenis bahan petroleum yang dipasarkan/ diedarkan yang tertakluk di bawah Warta PU(A) 86.1982 adalah seperti berikut:

- a. Petroleum
- b. Gas Asli
- c. Gas Petroleum Cecair (LPG)
- d. Mogas Regular dan Premium
- e. Minyak Diesel Automatif, Perindustrian dan Marin
- f. Minyak Bahan Api
- g. Kerosin Bahan Api Turbin Penerbangan, Kerosin Dua Maksud dan Bahan Api Jet
- h. Bitumen dan Aspal
- i. Minyak Pelincir
- j. Nafta Bes Pelarut
- k. Benzen
- l. Etilene

- m. Metanol
- n. Propilen
- o. Xilene
- p. Methan
- q. Toluena
- r. Propana
- s. Butan
- t. Asitelen
- u. Ammonia
- v. Urea dari Ammonia
- w. Baja NPK
- x. Ammonia Niterat
- y. Ammonia Sulfat

3.3. “Kaedah Pengedaran” ialah medium bagi urusan penghantaran bahan petroleum adalah seperti berikut:

- a) Kapal tangki/ Barge
- b) Saluran paip
- c) Lori Tangki

#### 4.0 SYARAT-SYARAT KEBENARAN PDA

- 4.1. Kebenaran PDA ini **tidak boleh dipindah milik** tanpa kebenaran daripada KPDNHEP;
- 4.2. Kebenaran PDA ini hendaklah **dipamerkan** dengan jelas di premis perniagaan yang telah diluluskan;
- 4.3. Pemegang Kebenaran PDA ini perlu **mendapatkan kelulusan KPDNHEP sebelum membuat sebarang pindaan** mana-mana bahagian atau melakukan sebarang perubahan di dalam struktur syarikat sama ada dari segi ekuiti, lembaga pengarah, hak milik, syarikat pembekal, dan sebagainya;
- 4.4. Pemegang Kebenaran PDA ini perlu mengemukakan permohonan pembaharuan kebenaran PDA, **tiga (3) bulan sebelum** tarikh tempoh tamat;
- 4.5. Pemegang Kebenaran PDA ini perlu mengemukakan dengan **lengkap dan tepat** apa-apa maklumat penjelasan yang diminta oleh KPDNHEP;
- 4.6. Pemegang Kebenaran PDA ini **tidak akan mengambil apa-apa tindakan undang-undang atau menuntut ganti rugi** dari mana-mana pihak sekiranya Kebenaran PDA tidak diperbaharui atau dilanjutkan atas sebab-sebab kecuaiian dan kegagalan pemegang Kebenaran sendiri;
- 4.7. Pemegang Kebenaran PDA ini wajib mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dan telah **mendapat kelulusan KPDNHEP secara bertulis sebelum membuat sebarang promosi**

berkaitan barangan di stesen seperti alamat yang tertera di dalam Kebenaran PDA ini;

4.8. Pemegang Kebenaran PDA ini diwajibkan **mematuhi semua syarat** Kebenaran PDA yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh KPDNHEP dan mematuhi mana-mana undang-undang di Malaysia dan tidak menjalankan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang itu; dan

4.9. Kebenaran PDA ini akan **dibatalkan apabila ada pelanggaran** mana-mana syarat-syarat di atas atau peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 atau mana-mana perundangan kecil dibawahnya atau mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;

## **5.0 KEPERLUAN NAZIRAN**

Kementerian berhak melaksanakan naziran ke atas syarikat pada bila-bila masa tertakluk kepada keperluan.

## **6.0 TEMPOH KELULUSAN**

Permohonan pindaan ke atas Kebenaran PDA akan diproses dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja di atas talian (sistem BLESS 2.0) tertakluk kepada dokumen lengkap yang diterima Kementerian.

## **7.0 FEE DAN KAEDAH PEMBAYARAN**

Tiada sebarang fee dikenakan bagi permohonan PDA5. Walau bagaimanapun, jika permohonan PDA 5 dikemukakan bersekali dengan permohonan Kebenaran PDA yang lain, kadar Fee adalah seperti berikut:

- a) Bayaran bagi **Kebenaran PDA Komersial** adalah **RM25.00** untuk **satu (1) tahun**;dan
- b) **Kebenaran PDA Runcit** adalah **RM25.00** untuk **satu (1) tahun**;dan
- c) Bagi **Lesen CSA** adalah **RM10.00** untuk **satu (1) tahun**

**Kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) menggunakan portal Maybank2U.**

## **8.0 TATACARA DAN MAKLUMAN AM**

- 8.1 Pemohon dikehendaki mengemukakan pindaan (*Request for Change*) ke atas Kebenaran PDA melalui atas talian di laman sesawang BLESS 2.0 (<https://bless2.bless.gov.my/bless2>) dan memuat naik dokumen-dokumen sokongan di dalam sistem.

## 9.0 PENYERAHAN KEBENARAN PDA DAN LESEN CSA

9.1 Bahagian ini akan mengeluarkan pemakluman secara emel kepada pemohon setelah Kebenaran PDA dan Lesen CSA sedia untuk diambil. Pemakluman *Licence Collection and Payment* di dalam sistem BLESS 2.0 tidak boleh digunakan untuk membuat pembayaran dan pengambilan Kebenaran PDA dan Lesen CSA di kaunter.

9.2 Berikut merupakan kaedah pengambilan Kebenaran PDA dan Lesen CSA yang dibenarkan:


1. Serahan di kaunter:

- a) Pemilik atau pemegang saham syarikat atau wakil syarikat minyak dibenarkan untuk mengambil Kebenaran PDA dan Lesen CSA. Wakil syarikat perlu mengemukakan surat wakil (dokumen asal); beserta
- b) Salinan kad pengenalan wakil untuk mengambil Kebenaran PDA dan Lesen CSA.

2. Melalui wakil sah yang dilantik oleh syarikat pembekal minyak.

9.3 Kebenaran PDA dan Lesen CSA yang telah siap hendaklah dituntut oleh pemohon dalam tempoh **30 hari** daripada tarikh pemakluman dibuat atau Kebenaran PDA boleh **dibatalkan kerana tidak dituntut**.

## 10.0 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KEBENARAN PDA 5



## 11.0 SENARAI SEMAK

### 11.1 Permohonan pindaan Kebenaran PDA bagi Alamat Perniagaan:

BIL.	DOKUMEN
1.	Salinan Kebenaran PDA dan lampiran pemegang saham yang dikeluarkan bersama Kebenaran PDA
2.	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Salinan Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); <b>ATAU</b></li><li>2) Surat Pengesahan Luar Kawasan PBT; <b>ATAU</b></li><li>3) Salinan <b>Borang B beserta</b> maklumat pemilik yang <b>terkini</b> – Pendaftaran Perniagaan; <b>ATAU</b></li><li>4) Salinan <b>Borang I</b> (Seksyen 5, 23, dan 24(2)) - <b>Form 1 beserta</b> Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan <b>terkini</b>; <b>ATAU</b></li><li>5) Surat Pengesahan Alamat daripada Setiausaha Syarikat (<i>Company Secretary</i>)</li></ol>
3.	<p><b><u>Syarikat Sendirian Berhad</u></b></p> <p>Cetakan penuh maklumat syarikat (SSM) yang terkini (3 bulan daripada tarikh permohonan).</p> <p><b><u>Milikan Tunggal/ Perkongsian</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Cetakan penuh <b>maklumat syarikat (SSM) yang terkini</b> (3 bulan daripada tarikh permohonan)</li><li>2. <b>Sabah</b><ul style="list-style-type: none"><li>- Salinan <b>Borang B</b> beserta maklumat pemilik yang <b>terkini</b> – Pendaftaran Perniagaan</li></ul></li><li>3. <b>Sarawak</b><ol style="list-style-type: none"><li>a) Salinan <b>Borang I</b> (Seksyen 5, 23, dan 24(2)) - <b>Form 1</b></li><li>b) Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan <b>terkini</b>.</li></ol></li></ol>

BIL.	DOKUMEN
	<p data-bbox="427 304 970 342"><b><u>Koperasi/ Pendaftaran/ Pertubuhan</u></b></p> <p data-bbox="427 376 1391 495">Salinan Sijil Pendaftar Koperasi/ Perakuan Pendaftar Persatuan/ Pertubuhan beserta butiran maklumat pemilik/ ahli Lembaga Pengarah.</p>
4.	<p data-bbox="427 533 1391 689"><b>Surat sokongan syarikat pembekal</b> yang ASAL &amp; TERKINI (6 bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha (KSU), KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="491 725 1251 801">a) perubahan Alamat Perniagaan yang menyatakan maklumat yang lama dan baharu;</li> <li data-bbox="491 808 1289 884">b) ditandatangani oleh personel yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal;</li> <li data-bbox="491 891 1264 967">c) surat sokongan tidak diperlukan bagi permohonan Kebenaran PDA 4 (Borong) Jenama Import.</li> </ul>

11.2 Permohonan Pindaan Kebenaran PDA bagi Nama / Bentuk Perniagaan :

BIL.	DOKUMEN
1.	Salinan Kebenaran PDA dan lampiran pemegang saham yang dikeluarkan bersama Kebenaran PDA
2.	<p><b>Surat sokongan syarikat pembekal</b> yang ASAL &amp; TERKINI (6 bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha (KSU), KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perubahan Nama/Bentuk Perniagaan yang menyatakan maklumat yang lama dan baharu;</li> <li>b) ditandatangani oleh personel yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal; dan</li> <li>c) Surat sokongan tidak diperlukan bagi permohonan Kebenaran PDA 4 (Borong) Jenama Import.</li> </ul>
3.	<p><b><u>Syarikat Sendirian Berhad</u></b></p> <p>Cetakan penuh maklumat syarikat (SSM) yang terkini (3 bulan daripada tarikh permohonan).</p> <p><b><u>Milikan Tunggal/ Perkongsian</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Cetakan penuh <b>maklumat syarikat (SSM) yang terkini</b> (3 bulan daripada tarikh permohonan)</li> <li>2. <b>Sabah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan <b>Borang B</b> beserta maklumat pemilik yang <b>terkini</b> – Pendaftaran Perniagaan</li> </ul> </li> <li>3. <b>Sarawak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Salinan <b>Borang I</b> (Seksyen 5, 23, dan 24(2)) - <b>Form 1</b></li> <li>b) Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan <b>terkini</b>.</li> </ul> </li> </ul> <p><b><u>Koperasi/ Pendaftaran/ Pertubuhan</u></b></p> <p>Salinan Sijil Pendaftar Koperasi/ Perakuan Pendaftar Persatuan/ Pertubuhan beserta butiran maklumat pemilik/ ahli Lembaga Pengarah.</p>

11.3 Permohonan pindaan Kebenaran PDA bagi Pemegang Saham / Rakan Kongsi :

BIL.	DOKUMEN
1.	Salinan Kebenaran PDA dan lampiran pemegang saham yang dikeluarkan bersama Kebenaran PDA
2.	<p><b>Surat sokongan syarikat pembekal</b> yang ASAL &amp; TERKINI (6 bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha (KSU), KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perubahan Pemegang Saham yang menyatakan maklumat yang lama dan baharu; dan</li> <li>b) ditandatangani oleh personel yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal;</li> </ul> <p>Surat sokongan tidak diperlukan bagi permohonan Kebenaran PDA 4 (Borong) Jenama Import.</p>
3.	<p><b><u>Syarikat Sendirian Berhad</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Cetakan penuh maklumat syarikat (SSM) yang terkini (tiga (3) bulan daripada tarikh permohonan).</li> <li>2. Salinan Form 32A (LHDN)</li> </ul> <p><b><u>Milikan Tunggal / Perkongsian</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Cetakan penuh <b>maklumat syarikat (SSM) yang terkini</b> (3 bulan daripada tarikh permohonan)</li> <li>2. <b>Sabah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan <b>Borang B</b> beserta maklumat pemilik yang <b>terkini</b> – Pendaftaran Perniagaan</li> </ul> </li> <li>3. <b>Sarawak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Salinan <b>Borang I</b> (Seksyen 5, 23, dan 24(2)) - <b>Form 1</b></li> <li>b) Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan <b>terkini</b>.</li> </ul> </li> </ul>

#### 11.4 Permohonan pindaan Kebenaran PDA bagi Syarikat Pembekal

BIL.	DOKUMEN
1.	Salinan Kebenaran PDA dan lampiran pemegang saham yang dikeluarkan bersama Kebenaran PDA
2.	<p><b>Surat sokongan syarikat pembekal baharu</b> yang ASAL &amp; TERKINI (6 bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha (KSU), KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Alamat premis perniagaan SAMA dengan alamat di Lesen PBT;</li> <li>b) Jenis Kebenaran dan aktiviti yang dimohon;</li> <li>c) Bahan petroleum dan kawasan edaran; dan</li> <li>d) Ditandatangani oleh personel yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal.</li> </ul>
3	<i>Termination Letter / Release Letter</i> dari pembekal <b>TERDAHULU.</b>
4	<p><b><u>Syarikat Sendirian Berhad</u></b></p> <p>Cetakan penuh maklumat syarikat (SSM) yang terkini (3 bulan daripada tarikh permohonan).</p> <p><b><u>Milikan Tunggal/ Perkongsian</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Cetakan penuh <b>maklumat syarikat (SSM) yang terkini</b> (3 bulan daripada tarikh permohonan)</li> <li>2. <b>Sabah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan <b>Borang B</b> beserta maklumat pemilik yang <b>terkini</b> – Pendaftaran Perniagaan</li> </ul> </li> <li>3. <b>Sarawak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Salinan <b>Borang I</b> (Seksyen 5, 23, dan 24(2)) - <b>Form 1</b></li> <li>b) Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan <b>terkini.</b></li> </ul> </li> </ul> <p><b><u>Koperasi/ Pendaftaran/ Pertubuhan</u></b></p> <p>Salinan Sijil Pendaftar Koperasi/ Perakuan Pendaftar Persatuan/ Pertubuhan beserta butiran maklumat pemilik/ ahli Lembaga Pengarah.</p>

## 11.5 Permohonan pindaan Kebenaran PDA bagi Jenis Bahan Petroleum

BIL.	DOKUMEN
1.	Salinan Kebenaran PDA dan lampiran pemegang saham yang dikeluarkan bersama Kebenaran PDA
2.	<p><b>Surat sokongan syarikat pembekal</b> yang ASAL &amp; TERKINI (enam (6) bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha (KSU), KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perubahan Jenis Bahan Petroleum yang menyatakan maklumat yang lama dan baharu; dan</li> <li>b) ditandatangani oleh personel yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal</li> </ul>
3.	<p><b><u>Syarikat Sendirian Berhad</u></b></p> <p>Cetakan penuh maklumat syarikat (SSM) yang terkini (3 bulan daripada tarikh permohonan).</p> <p><b><u>Milikan Tunggal/ Perkongsian</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Cetakan penuh <b>maklumat syarikat (SSM) yang terkini</b> (3 bulan daripada tarikh permohonan)</li> <li>2. <b>Sabah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan <b>Borang B</b> beserta maklumat pemilik yang <b>terkini</b> – Pendaftaran Perniagaan</li> </ul> </li> <li>3. <b>Sarawak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Salinan <b>Borang I</b> (Seksyen 5, 23, dan 24(2)) - <b>Form 1</b></li> <li>b) Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan <b>terkini</b>.</li> </ul> </li> </ul> <p><b><u>Koperasi/ Pendaftaran/ Pertubuhan</u></b></p> <p>Salinan Sijil Pendaftar Koperasi/ Perakuan Pendaftar Persatuan/ Pertubuhan beserta butiran maklumat pemilik/ ahli Lembaga Pengarah.</p>

## 11.6 Permohonan pindaan Kebenaran PDA bagi Kawasan Pengedaran

BIL.	DOKUMEN
1.	Salinan Kebenaran PDA dan lampiran pemegang saham yang dikeluarkan bersama Kebenaran PDA
2.	<p><b>Surat sokongan syarikat pembekal</b> yang ASAL &amp; TERKINI (6 bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha (KSU), KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perubahan Kawasan Pengedaran yang menyatakan maklumat yang lama dan baharu;</li> <li>b) ditandatangani oleh personel yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal; dan</li> <li>c) surat sokongan tidak diperlukan bagi permohonan Kebenaran PDA 4 (Borong) Jenama Import.</li> </ul>
3.	<p><b><u>Syarikat Sendirian Berhad</u></b></p> <p>Cetakan penuh maklumat syarikat (SSM) yang terkini (3 bulan daripada tarikh permohonan).</p> <p><b><u>Milikan Tunggal/ Perkongsian</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Cetakan penuh <b>maklumat syarikat (SSM) yang terkini</b> (3 bulan daripada tarikh permohonan)</li> <li>2. <b>Sabah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan <b>Borang B</b> beserta maklumat pemilik yang <b>terkini</b> – Pendaftaran Perniagaan</li> </ul> </li> <li>3. <b>Sarawak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Salinan <b>Borang I</b> (Seksyen 5, 23, dan 24(2)) - <b>Form 1</b></li> <li>b) Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan <b>terkini</b>.</li> </ul> </li> </ul> <p><b><u>Koperasi/ Pendaftaran/ Pertubuhan</u></b></p> <p>Salinan Sijil Pendaftar Koperasi/ Perakuan Pendaftar Persatuan/ Pertubuhan beserta butiran maklumat pemilik/ ahli Lembaga Pengarah.</p>

11.7 Carta senarai semak bagi permohonan PDA 5 adalah seperti berikut:

Bil	Dokumen	Jenis Pindaan						
		Alamat	Nama/ Bentuk Perniagaan	Pemegang Saham	Syarikat Pembekal	Kawasan Penedaran	Kaedah Penedaran	Jenis Bahan Petroleum
1.	Salinan Kebenaran PDA beserta maklumat pemegang saham	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Surat sokongan syarikat pembekal	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Salinan SSM atau ROC	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Salinan Lesen PBT atau Badan Berkaitan	✓	✓	-	-	-	-	-
5.	<i>Termination Letter</i> dari pembekal terdahulu;	-	-	-	✓	-	-	-
6.	Borang 32A – <i>Transfer of Securities</i>	-	-	✓	-	-	-	-

## 12.0 Pertanyaan Lanjut

12.1 Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah dikemukakan kepada:

Pengarah Kanan  
Sektor Barang Kawalan dan Subsidi  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)  
Aras 4, No. 12, Persiaran Perdana, Presint 2  
62623 PUTRAJAYA

Seksyen Pelesenan Petroleum  
Bahagian Kawal Selia Petroleum

<b>Emel</b>	<b>Telefon</b>
<a href="mailto:najibzakuan.ali@kpdnhep.gov.my">najibzakuan.ali@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 7099
<a href="mailto:aqilah@kpdnhep.gov.my">aqilah@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 5871
<a href="mailto:nuramira@kpdnhep.gov.my">nuramira@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 5837
<a href="mailto:syauqi@kpdnhep.gov.my">syauqi@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 5898
<a href="mailto:fariha@kpdnhep.gov.my">fariha@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 6989
<a href="mailto:imranhanafi@kpdnhep.gov.my">imranhanafi@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 6991
<a href="mailto:jaunaqistina@kpdnhep.gov.my">jaunaqistina@kpdnhep.gov.my</a>	03 – 8882 5924

**Seksyen Pelesenan Petroleum**  
**Bahagian Kawal Selia Petroleum**  
**Sektor Barang Kawalan dan Subsidi**  
**KPDNHEP**  
**Julai 2022**